

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 44

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

2

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

Tarikh Perkenan Diraja 30 Ogos 1971

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 2 September 1971

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1993

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 44

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN, NEGERI DAN KEBANGSAAN

3. Penubuhan
4. Larangan
5. Tujuan Persatuan Nelayan

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

6. Pendaftar bagi semua Persatuan Nelayan
7. Daftar
8. Syarat pendaftaran

BAHAGIAN IV

PEGAWAI PENYELIA PERSATUAN NELAYAN NEGERI

9. Pihak berkuasa penyelia
10. Kewajipan Pegawai Penyelia

BAHAGIAN V

AHLI PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

Seksyen

11. Ahli Persatuan Nelayan Kawasan
- 11A. Daftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie*

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN DAN KUMPULAN WANG
PERSATUAN NELAYAN KAWASAN,
NEGERI DAN KEBANGSAAN

12. Pengarah
13. Kumpulan wang Persatuan Nelayan
- 13A. Kuasa untuk meminjam wang, dll.
- 13B. Pelaburan wang
14. Kumpulan Wang Rizab

BAHAGIAN VII

PERGABUNGAN PERSATUAN NELAYAN
KAWASAN DAN NEGERI

15. Tatacara pergabungan Persatuan Nelayan Kawasan
16. Pendaftaran Persatuan Nelayan Negeri
17. Tatacara pergabungan Persatuan Nelayan Negeri

BAHAGIAN VIII

AM






18. Persatuan Nelayan ialah pertubuhan perbadanan
- 18A. Menyelesaikan pertikaian
- 18B. Kes dinyatakan berhubung dengan soalan undang-undang
19. Kuasa untuk memeriksa
20. Kuasa untuk menggantung dan membubarkan
21. Rayuan
22. Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan
23. Pengurusan dalam masa penggantungan

Persatuan Nelayan

5

Seksyen

24. Mesyuarat tahunan
25. Audit
- 25A. Hak akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain
26. Kaedah-kaedah
27. Peraturan-peraturan
28. Kuasa khas Menteri bagi mengecualikan Persatuan daripada kehendak pendaftaran, dsb.
29. Kuasa bagi mengecualikan daripada duti atau cukai
30. Dilarang menggunakan perkataan “Persatuan Nelayan”
31. Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak terpakai
32. Kesalahan
- 32A. Pembuktian catatan dalam buku Persatuan Nelayan
33. Pindaan
34. Larangan mengenai pendaftaran syarikat kerjasama nelayan
35. Kos pembubaran secara paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
36. Akta ini hendaklah terpakai



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 44

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

Suatu Akta bagi menubuhkan Persatuan Nelayan dalam Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—4 Mei 1972,
P.U.(B)172/1972*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persatuan Nelayan 1971 dan tertakluk kepada subseksyen (3) hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan tarikh itu tidak lebih awal daripada tarikh pemberitahuan itu disiarkan.

(3) Menteri boleh dengan perintah menggantung kuat kuasa Akta ini di suatu atau beberapa bahagian dalam Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“menangkap ikan” ertinya menangkap ikan di muara atau di laut;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi perikanan;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Persatuan Nelayan yang dilantik di bawah seksyen 6;

“Persatuan Nelayan” ertinya Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri atau Persatuan Nelayan Kebangsaan;

“Persatuan Nelayan Kawasan” ertinya suatu persatuan yang mempunyai ahli seramai tidak kurang daripada lima puluh orang yang ditubuhkan mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bagi mana-mana kawasan dalam mana-mana Negeri dan termasuklah sesuatu syarikat kerjasama nelayan;

“Persatuan Nelayan Kebangsaan” ertinya pergabungan mana-mana dua Persatuan Nelayan Negeri atau lebih mengikut Akta ini;

“Persatuan Nelayan Negeri” ertinya pergabungan mana-mana dua Persatuan Nelayan Kawasan atau lebih mengikut Akta ini;

“syarikat kerjasama nelayan” ertinya mana-mana syarikat kerjasama yang, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948 [*Akta 287*]*, Ordinan Syarikat Kerjasama 1958 Sabah [*Ord. 3 tahun 1958*] dan Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak [*Bab 66*] dan yang tujuan atau fungsi utamanya adalah berkaitan dengan pengeluaran perikanan, kredit, pemasaran atau pemprosesan atau apa-apa usaha niaga perdagangan dan perniagaan yang sedemikian:

Dengan syarat bahawa jika ada sesuatu pertikaian tentang sama ada sesuatu syarikat kerjasama ialah suatu syarikat kerjasama nelayan pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar yang keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah;

“Wilayah” ertinya suatu kawasan yang terdiri daripada dua Negeri atau lebih sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

*CATATAN—Akta 287, Sabah Ord. 3 tahun 1958 dan Sarawak Bab 66 telah dimansuhkan—lihat seksyen 95 Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*].

BAHAGIAN II

PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN,
NEGERI DAN KEBANGSAAN

Penubuhan

3. (1) Suatu Persatuan Nelayan Kawasan boleh ditubuhkan mengikut Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Dengan kelulusan Pendaftar, mana-mana dua Persatuan Nelayan Kawasan atau lebih yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh bergabung menjadi satu Persatuan Nelayan Negeri.

(3) Dengan kelulusan Pendaftar, mana-mana dua Persatuan Nelayan Negeri atau lebih yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh bergabung menjadi satu Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Larangan

4. Tiada sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan, Negeri atau Kebangsaan boleh menjalankan urusan melainkan jika ia ditubuhkan dan didaftarkan mengikut Akta ini.

Tujuan Persatuan Nelayan

5. (1) Persatuan Nelayan boleh ditubuhkan dengan tujuan atau tujuan-tujuan hendak memajukan kepentingan ekonomi dan sosial ahlinya atau kesentosaan ahlinya dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan itu dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna yang tersebut di atas, ia hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) menguruskan dan mengendalikan rancangan bantuan kewangan untuk mengadakan sumber kredit dan modal bagi ahli;
- (b) memajukan pelajaran dan latihan bagi ahli termasuk pengedaran maklumat mengenai perkara yang mungkin menarik perhatian ahli;
- (c) mengatur pameran, pasar ria dan pertunjukan;
- (d) mengatur usaha menangkap ikan atau memelihara hidupan dalam air; mengumpul, menyimpan, memproses,

membahagi-bahagikan dan melupuskan benda keluaran ahli;

- (e) mengadakan pusat kesihatan, pusat didikan kanak-kanak, pertubuhan jimat cermat, insurans, bantuan bersama dan rancangan kebajikan yang lain;
- (f) membantu dalam penyiasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai perusahaan menangkap ikan;
- (g) mengadakan boyo dan alat bantuan pelayaran yang lain dan kemudahan di pelabuhan perikanan;
- (h) menjadi orang tengah dalam pertikaian yang berbangkit dalam perusahaan menangkap ikan yang melibatkan seorang atau beberapa orang ahli;
- (i) mengatur penyertaan ahli-ahli dalam apa-apa rancangan bagi pemuliharaan sumber perikanan;
- (j) mengendalikan dan mengadakan kemudahan pengangkutan bagi mempergiat usaha pemasaran ikan dan usaha yang berkaitan;
- (k) mengadakan kemudahan pemasaran, penyimpanan, pengeringan, penggudangan dan kemudahan lain; dan
- (l) membolehkan pembentukan modal dan pelaburan melalui penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti dalam usaha perdagangan dan perniagaan.

(2) Walau apa pun kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), sesuatu Persatuan Nelayan tidak boleh menuahkan apa-apa syarikat atau menyertai ekuiti mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar, dan Pendaftar boleh, pada memberikan kelulusan sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Tanpa menjelaskan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar dalam subseksyen (2), Pendaftar boleh, melalui perintah secara bertulis, mengehadkan, mengenakan syarat ke atas atau mengawal selia kuasa sesuatu Persatuan Nelayan untuk memastikan kecekapan dan untuk mengelakkan penduaan fungsi Persatuan Nelayan itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa perintah Pendaftar di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat dan Menteri boleh mengesahkan, mengubah atau membatalkan perintah itu; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Pendaftar bagi semua Persatuan Nelayan

6. (1) Hendaklah dilantik seorang Pendaftar Persatuan Nelayan dan beberapa orang Penolong Pendaftar dengan mempunyai apa-apa kuasa Pendaftar di bawah Akta ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

(2) Semua pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia hendaklah menjadi Pendaftar.

(4) Pendaftar boleh secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana orang, termasuk mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam dalam Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, mana-mana daripada kuasanya di bawah Akta ini kecuali kuasanya untuk menggantung atau membubarkan mana-mana Persatuan Nelayan.

Daftar

7. Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan disimpan dan disenggarakan suatu atau beberapa daftar yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat berhubung dengan pendaftaran semua Persatuan Nelayan.

Syarat pendaftaran

8. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan berkenaan dengan pendaftaran Persatuan Nelayan Negeri dan Kebangsaan

tiada sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan boleh didaftarkan melainkan jika—

- (a) suatu mesyuarat telah diadakan dan mesyuarat itu dihadiri oleh 50 orang atau lebih daripada orang yang tersebut dalam perenggan 11(1)(a) dari kawasan itu;
- (b) telah dibentangkan dalam mesyuarat yang tersebut di atas suatu pernyataan bertulis yang menunjukkan tujuan Persatuan Nelayan Kawasan itu dan juga satu salinan perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi menguruskan Persatuan itu; dan
- (c) peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah Persatuan itu termasuk peruntukan yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Suatu perakuan pendaftaran yang ditandatangani oleh Pendaftar adalah menjadi keterangan muktamad bahawa Persatuan yang tersebut dalamnya itu adalah didaftarkan dengan sempurnanya di bawah Akta ini, melainkan jika dibuktikan bahawa pendaftaran Persatuan itu telah dibatalkan.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI PENYELIA PERSATUAN NELAYAN NEGERI

Pihak berkuasa penyelia

9. (1) Menteri boleh melantik seorang Pegawai Penyelia Persatuan Nelayan bagi tiap-tiap Wilayah dan Negeri.

(2) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat bagi sesuatu tempoh atau atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Seseorang yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk kepada arahan am Pendaftar.

Kewajipan Pegawai Penyelia

10. (1) Seseorang Penyelia Persatuan Nelayan yang dilantik bagi sesuatu Negeri hendaklah—

- (a) menasihati Persatuan Nelayan Kawasan dan Persatuan Nelayan Negeri dalam Negeri itu mengenai kegiatan persatuan itu;
- (b) menyelaraskan apa-apa rancangan atau rancangan yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu; dan
- (c) memeriksa dan menyelia kegiatan Persatuan Nelayan Kawasan dan Persatuan Nelayan Negeri dalam Negeri itu.

(2) Seseorang Pegawai Penyelia Persatuan Nelayan yang dilantik bagi sesuatu Wilayah mempunyai kuasa menyelia pada keseluruhannya semua Persatuan Nelayan Kawasan dan Negeri dalam Wilayah itu.

BAHAGIAN V

AHLI PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

Ahli Persatuan Nelayan Kawasan

11. (1) Seseorang yang bermastautin dalam kawasan kegiatan sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan dan yang telah mencapai umur 18 tahun adalah layak menjadi seorang ahli Persatuan Nelayan Kawasan jika dia termasuk di bawah mana-mana daripada kategori yang berikut, iaitu:

- (a) mana-mana orang yang bekerja menangkap, mengutip atau memelihara hidupan dalam air selama tempoh sekurang-kurangnya seratus dua puluh hari dalam setahun;
- (b) mana-mana orang yang bekerja memproses, mengendalikan atau berniaga ikan;
- (c) mana-mana orang yang mendapat enam puluh peratus atau lebih daripada jumlah pendapatannya daripada perusahaan perikanan.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan atau mengambil bahagian dalam memperkembang dan memajukan perusahaan menangkap ikan adalah layak menjadi ahli bersekutu.

(3) Tiada seseorang boleh menjadi ahli bagi lebih daripada satu Persatuan Nelayan Kawasan.

(4) Tiada apa-apa hak keahlian boleh digunakan oleh seseorang ahli sehingga dia telah menjelaskan apa-apa bayaran sebagaimana yang diperuntukkan berkenaan dengan keahliannya dalam perlombagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu kepada Persatuan Nelayan Kawasan itu.

(5) Seseorang terhenti menjadi ahli sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan dalam mana-mana hal keadaan yang berikut, iaitu:

- (a) apabila dia berhenti dengan sukarela mengikut perlombagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu;
- (b) apabila dia disifatkan telah terhenti menjadi ahli menurut peruntukan perlombagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu; atau
- (c) apabila dia mati.

(6) Apabila berbangkit sesuatu soal tentang kemastautinan seseorang bagi maksud menentukan kelayakannya di bawah subseksyen (1), soal itu hendaklah diputuskan oleh Pendaftar dan keputusannya itu adalah muktamad.

(7) Walau apa pun seksyen 2, dalam seksyen ini “Persatuan Nelayan Kawasan” tidak termasuk syarikat kerjasama nelayan.

Daftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie*

11A. Apa-apa daftar atau senarai ahli yang disimpan oleh sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor keahlian, dan pekerjaan seseorang ahli dan mengenai tarikh dia mula dan berhenti menjadi ahli.

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN DAN KUMPULAN WANG PERSATUAN NELAYAN KAWASAN, NEGERI DAN KEBANGSAAN

Pengarah

12. (1) Setiap Persatuan Nelayan hendaklah dikelolakan oleh suatu Lembaga Pengarah yang dipilih atau dilantik mengikut, dan

mempunyai kuasa yang ditetapkan oleh, perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

(2) Bagi maksud menjalankan urusan setiap persatuan itu, hendaklah ada seorang Pengurus Besar dan pegawai dan penjawat lain bagi persatuan itu yang dilantik mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

(3) Tanggungjawab dan kewajipan Pengurus Besar, pegawai dan Lembaga Pengarah yang tersebut di atas itu hendaklah mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

(4) Pengarah hendaklah memegang jawatan, boleh meletakkan jawatan dan boleh dipecat daripada jawatan mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

(5) Jawatan seseorang Pengarah hendaklah disifatkan sebagai dikosongkan dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) jika dia menjadi bankrap;
- (b) jika dia disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (c) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran;
- (d) jika dia terhenti menjadi seorang warganegara Malaysia atau ahli sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan;
- (e) jika dia menjadi gila;
- (f) jika dia menjadi seorang pekerja bagi persatuan itu; atau
- (g) jika dia mengambil bahagian dalam apa-apa jua urusan atau bertindak secara yang, pada pendapat Menteri, mendatangkan mudarat kepada kepentingan persatuan itu.

Kumpulan wang Persatuan Nelayan

13. Kumpulan wang setiap Persatuan Nelayan hendaklah terdiri daripada—

- (a) yuran ahli; dan

- (b) wang yang diperoleh, terakru atau didapati menurut kuasa persatuan itu yang diberikan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau menurut perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

Kuasa untuk meminjam wang, dll.

13A. (1) Bagi maksud melaksanakan tujuannya di bawah seksyen 5, sesuatu Persatuan Nelayan boleh meminjam wang atau menanggung komitmen atau tanggungan kewangan lain dengan kebenaran bertulis Pendaftar.

(2) Pada setiap mesyuarat agung tahunannya, tiap-tiap Persatuan Nelayan hendaklah menentukan had maksimum keterhutangan yang boleh ditanggung olehnya, tertakluk kepada kebenaran Pendaftar menurut subseksyen (1), pada bila-bila masa dalam tahun kewangannya yang akan datang.

Pelaburan wang

13B. Tertakluk kepada seksyen 5, sesuatu Persatuan Nelayan boleh melaburkan atau mendepositkan wangnya—

- (a) ke dalam mana-mana bank yang diluluskan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa;
- (b) dalam apa-apa sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
- (c) dalam sekuriti yang dikeluarkan di dalam Persekutuan dengan kelulusan Perbendaharaan oleh mana-mana pihak berkuasa awam yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (d) dengan kelulusan Pendaftar, dalam modal syer atau sekuriti mana-mana badan atau syarikat berdaftar;
- (e) dengan kelulusan Pendaftar, dalam pembelian tanah atau bangunan atau dalam pembinaan bangunan; atau
- (f) dengan apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

Kumpulan Wang Rizab

14. Tiap-tiap Persatuan Nelayan hendaklah mengadakan suatu Kumpulan Wang Rizab yang terdiri daripada wang daripada kumpulan wang am yang dikhaskan bagi maksud itu dan Kumpulan Wang Rizab itu hendaklah digunakan mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

BAHAGIAN VII
PERGABUNGAN PERSATUAN NELAYAN
KAWASAN DAN NEGERI

Tatacara pergabungan Persatuan Nelayan Kawasan

15. (1) Mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan boleh memberikan notis mengikut kaedah-kaedah persatuan itu berkenaan dengan cadangannya hendak mengadakan suatu mesyuarat agung khas persatuan itu di mana suatu ketetapan khas untuk bergabung dengan Persatuan Nelayan Kawasan yang lain akan dicadangkan.

(2) Dalam mesyuarat setiap Persatuan Nelayan Kawasan yang tersebut di atas suatu ketetapan khas hendaklah dicadangkan bagi pergabungan itu dan bahawa suatu permohonan hendaklah dibuat kepada Pendaftar bagi maksud itu.

Pendaftaran Persatuan Nelayan Negeri

16. Jika sesuatu permohonan di bawah seksyen 15 telah dibuat berkenaan dengan setiap Persatuan Nelayan Kawasan dan Pendaftar berpuas hati—

- (a) bahawa ketetapan khas yang menyokong pergabungan yang dicadangkan itu telah diluluskan dengan sempurnanya oleh setiap Persatuan Nelayan Kawasan bersamaan dalam segala butir material dengan ketetapan atau ketetapan-ketetapan yang diluluskan oleh Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan yang lain;
- (b) bahawa rancangan pergabungan yang terkandung dalam ketetapan yang tersebut di atas bagi setiap Persatuan Nelayan Kawasan adalah bersamaan dalam segala butir material dengan ketetapan atau ketetapan-ketetapan Persatuan Nelayan Kawasan yang lain; dan

- (c) bawanya peruntukan perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi Persatuan Nelayan Negeri yang dicadangkan itu tidak berlawanan dengan Akta ini atau dengan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya,

Pendaftar hendaklah mendaftarkan atau menyebabkan didaftarkan Persatuan Nelayan Negeri mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

Tatacara pergabungan Persatuan Nelayan Negeri

17. Berkenaan dengan tatacara pergabungan mana-mana dua Persatuan Nelayan Negeri atau lebih, seksyen 15 dan 16 hendaklah terpakai dengan syarat bahawa bagi ungkapan “Persatuan Nelayan Kawasan” dan “Persatuan Nelayan Negeri” di mana-mana juga ungkapan itu terdapat dalam seksyen-seksyen tersebut di atas hendaklah masing-masing digantikan dengan “Persatuan Nelayan Negeri” dan “Persatuan Nelayan Kebangsaan”.

BAHAGIAN VIII

AM

Persatuan Nelayan ialah pertubuhan perbadanan

18. Apabila didaftarkan di bawah Akta ini, sesuatu Persatuan Nelayan—

- (a) adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dengan mempunyai suatu meterai perbadanan dan mempunyai kuasa membuat kontrak bagi membawa dan membela tindakan, guaman dan prosiding undang-undang dan melakukan segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan yang disebut dalam seksyen 5; dan
- (b) boleh memperoleh dengan jalan pajakan, pembelian, derma, hadiah, demis, wasiat atau selainnya apa-apa harta alih atau harta tak alih bagi apa-apa tujuan persatuan dan bagi maksud itu boleh menjual atau memajakkan atau dengan jalan lain membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu.

Menyelesaikan pertikaian

18A. (1) (a) Jika timbul apa-apa pertikaian mengenai urusan sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan—

- (i) antara ahli, bekas ahli dan orang yang menuntut melalui ahli, bekas ahli dan ahli yang sudah mati; atau
- (ii) antara seorang ahli, bekas ahli atau seorang yang menuntut melalui seorang ahli, bekas ahli atau ahli yang sudah mati, dengan persatuan itu atau Lembaga Pengarahnya; atau
- (iii) antara persatuan itu dengan mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan yang lain,

pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar untuk keputusan.

- (b) Sesuatu tuntutan oleh Persatuan Nelayan Kawasan kerana apa-apa hutang atau tagihan yang terhutang kepadanya daripada seseorang ahli, bekas ahli atau orang yang dinamakan, waris atau wakil di sisi undang-undang bagi seorang ahli yang sudah mati, hendaklah disifatkan sebagai suatu pertikaian yang menyentuh urusan persatuan itu.

(2) Pendaftar boleh, apabila menerima rujukan di bawah subseksyen (1)—

- (a) memutuskan pertikaian itu sendiri; atau
- (b) merujukkan pertikaian itu untuk diselesaikan kepada seorang atau beberapa orang penimbang tara.

(3) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbang tara di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat kepada Menteri dan hendaklah dibuat dalam masa dua bulan dari tarikh keputusan itu.

(4) Keputusan Menteri dalam sesuatu rayuan di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(5) Apa-apa keputusan Pendaftar atau penimbang tara di bawah subseksyen (2) atau, jika ada sesuatu rayuan terhadap keputusan itu, keputusan sebagaimana yang disahkan atau diubah oleh Menteri, hendaklah dikuatkuasakan dengan cara yang sama seolah-olah keputusan itu ialah suatu penghakiman Mahkamah Sesyen.

(6) (a) Apa-apa pertikaian yang menyentuh urusan sesuatu Persatuan Nelayan Negeri atau Persatuan Nelayan Kebangsaan dan yang timbul antara suatu Persatuan Nelayan Kawasan dengan Persatuan Nelayan Negeri atau antara suatu Persatuan Nelayan Negeri dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan, hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar untuk keputusan.

(b) Sesuatu tuntutan oleh sesuatu Persatuan Nelayan Negeri atau Persatuan Nelayan Kebangsaan kerana apa-apa hutang atau tagihan yang terhutang kepadanya daripada sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan atau Persatuan Nelayan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai suatu pertikaian yang menyentuh urusan persatuan itu.

(c) Subseksyen (2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi pertikaian itu sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi sesuatu pertikaian di bawah subseksyen (1).

Kes dinyatakan berhubung dengan soalan undang-undang

18B. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 18A, Menteri boleh pada bila-bila masa apabila sesuatu rayuan dibuat kepadanya di bawah seksyen itu merujukkan apa-apa soalan undang-undang yang timbul dalam perjalanan prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu untuk pendapat Mahkamah Tinggi.

(2) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan soalan undang-undang yang dirujukkan itu.

Kuasa untuk memeriksa

19. Pendaftar, atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya dengan bertulis bagi maksud itu, mempunyai kuasa untuk—

(a) memeriksa akaun dan harta mana-mana Persatuan Nelayan; dan

- (b) mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan perjalanan urusan dan keadaan kewangan persatuan itu.

Kuasa untuk menggantung dan membubarkan

20. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa adalah untuk kepentingan ahli amnya dalam mana-mana kawasan atau Negeri menggantung perlombagaan atau kaedah-kaedah mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri, dia boleh dengan perintah berbuat demikian.

(2) Sebaik sahaja perintah di bawah subseksyen (1) dibuat terhadap sesuatu persatuan, Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu siasatan dijalankan berkenaan dengan persatuan itu atau berkenaan dengan mana-mana segi urusan persatuan itu.

(3) Selepas siasatan di bawah subseksyen (2) dijalankan Pendaftar boleh membatalkan perintah penggantungan itu atau memerintahkan supaya persatuan itu dibubarkan sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(4) Tertakluk kepada apa-apa rayuan yang dibuat di bawah seksyen 21, perintah membubarkan sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri hendaklah berkuat kuasa apabila habis tempoh tiga bulan selepas tarikh perintah itu disiarkan.

(5) Sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri yang terlibat oleh sesuatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

Rayuan

21. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa perintah Pendaftar yang dibuat di bawah seksyen 20 boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat dan Menteri hendaklah mengesahkan atau membatalkan perintah itu; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan

22. Dalam masa penggantungan sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri tidak sah bagi persatuan itu menjalankan apa-apa urusan walau apa pun peruntukan seksyen 4:



Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menahan persatuan itu diuruskan atau urusannya dijalankan oleh seorang atau beberapa orang yang dilantik di bawah seksyen 23.

Pengurusan dalam masa penggantungan

23. Selepas sesuatu perintah dibuat menggantung sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri, Pendaftar mempunyai kuasa melantik seorang atau beberapa orang bagi menguruskan hal ehwal persatuan dalam masa penggantungan itu sehingga Lembaga Pengarah baharu atau mana-mana pegawai persatuan itu dipilih atau diambil bekerja.

Mesyuarat tahunan

24. Mesyuarat agung tahunan bagi tiap-tiap Persatuan Nelayan hendaklah diadakan dalam masa 2 bulan selepas ditutup tahun kewangan setiap persatuan itu atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar atau sebagaimana yang ditetapkan oleh perlombagaan atau kaedah-kaedah persatuan itu.

Audit

25. Pendaftar hendaklah mengaudit atau menyebabkan diaudit oleh seseorang yang diberi kuasa olehnya dengan perintah bertulis sama ada am atau khas akaun tiap-tiap Persatuan Nelayan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun.

Hak akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain

25A. (1) Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis berhak mendapat akses pada setiap masa kepada rekod perakaunan dan apa-apa rekod lain, termasuk daftar, tiap-tiap Persatuan Nelayan dan hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) memanggil mana-mana pegawai atau bekas pegawai atau ejen atau pekhidmat atau ahli Persatuan Nelayan itu yang dia ada sebab untuk mempercayai boleh memberikan maklumat material tentang apa-apa

transaksi Persatuan Nelayan itu atau tentang pengurusan hal ehwalnya;

- (b) menghendaki supaya dikemukakan, di tempat dan dalam tempoh yang dinyatakan olehnya, apa-apa buku atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Persatuan Nelayan itu atau apa-apa wang tunai atau sekuriti kepunyaan Persatuan Nelayan itu oleh pegawai atau bekas pegawai atau ejen atau pekhidmat atau ahli yang memiliki buku, dokumen, wang tunai atau sekuriti itu.

(2) Jika dalam masa penggulungan sesuatu Persatuan Nelayan atau akibat daripada suatu pengauditan di bawah seksyen 25 atau akibat daripada suatu siasatan atau pemeriksaan di bawah seksyen 19 didapati bahawa mana-mana orang yang telah mengambil bahagian dalam penubuhan atau pengurusan Persatuan Nelayan itu atau mana-mana pegawai atau bekas pegawai atau ejen atau pekhidmat atau ahli Persatuan Nelayan itu telah menyalahgunakan atau menyimpan atau menjadi bertanggungan atau bertanggungjawab atas apa-apa wang atau harta Persatuan Nelayan itu atau telah bersalah kerana misfeasans atau pecah amanah berhubung dengan Persatuan Nelayan itu, Pendaftar, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan seseorang penyelesai, pemutang atau pencarum, boleh memeriksa kelakuan orang itu dan boleh membuat perintah yang menghendakinya membayar balik atau memulangkan wang atau harta atau mana-mana bahagiannya bersama dengan bunga mengikut kadar yang difikirkan patut oleh Pendaftar atau menghendakinya membayar sejumlah wang yang difikirkan patut oleh Pendaftar kepada aset Persatuan Nelayan itu sebagai pampasan terhadap penyalahgunaan, penyimpanan, kecurangan atau pecah amanah itu; dan perintah sedemikian hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah perintah itu ialah suatu penghakiman Mahkamah.

Kaedah-kaedah

26. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan mana-mana daripada peruntukan Akta ini.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan makna subseksyen (1) kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh membuat peruntukan bagi mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) peruntukan yang dikehendaki bagi perlembagaan atau kaedah-kaedah tiap-tiap Persatuan Nelayan;
- (b) perkara yang berhubungan dengan penggantungan Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri;
- (c) perkara yang berhubungan dengan pembubaran sesuatu Persatuan Nelayan termasuk pelantikan orang bagi menyelesaikan hutang-piutang mana-mana persatuan itu yang diperintahkan supaya dibubarkan; dan
- (d) penubuhan suatu Badan Penasihat Negara bagi maksud menyelaraskan apa-apa rancangan atau rancangan yang dibuat menurut mana-mana peruntukan Akta ini.

Peraturan-peraturan

27. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan makna subseksyen (1) peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh membuat peruntukan bagi mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) pembentukan, penubuhan, pengurusan dan penyeliaan Persatuan Nelayan dan pemilihan serta pembuangan kerja pegawai-pegawai persatuan itu;
- (b) sistem pengauditan dan perakaunan Persatuan Nelayan;
- (c) pengendalian rancangan kredit yang diselia dan pembentukan dan fungsi jawatankuasa tetap kredit ahli-ahli bagi Persatuan Nelayan.

Kuasa khas Menteri bagi mengecualikan Persatuan daripada kehendak pendaftaran, dsb.

28. (1) Walau apa pun apa-apa juu yang terkandung dalam Akta ini Menteri boleh, dengan perintah khas bagi setiap hal dan tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang dikenakan olehnya, mengecualikan mana-mana Persatuan

Nelayan daripada mana-mana kehendak pendaftaran di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh, dengan perintah am atau khas, mengecualikan mana-mana Persatuan Nelayan daripada mana-mana peruntukan lain Akta ini, atau boleh mengarahkan bahawa peruntukan itu terpakai bagi persatuan itu mulai dari tarikh atau dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa bagi mengecualikan daripada duti atau cukai

29. Berkenaan dengan sesuatu Persatuan Nelayan atau apa-apa kelas persatuan itu Menteri Kewangan boleh mengurangkan atau meremitkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) duti atau cukai yang mungkin kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini berkenaan dengan keuntungan persatuan itu atau berkenaan dengan dividen atau bayaran lain yang diterima oleh ahli persatuan itu sebagai keuntungan;
- (b) (*Dipotong oleh Akta 478*).

Dilarang menggunakan perkataan “Persatuan Nelayan”

30. (1) Tiada seseorang, sesuatu pertubuhan atau persatuan, selain Persatuan Nelayan yang didaftarkan di bawah Akta ini, boleh berniaga atau menjalankan urusan dengan apa-apa nama atau gelaran yang mengandungi perkataan “Persatuan Nelayan” tanpa kebenaran Menteri:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh terpakai terhadap penggunaan oleh mana-mana orang, persatuan atau pertubuhan atau penggantinya yang berkepentingan apa-apa nama atau gelaran yang digunakan bagi perniagaan atau urusan yang dijalankan pada masa Akta ini mula berkuat kuasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ringgit, dan, bagi suatu kesalahan yang berterusan, didenda tambahan sebanyak lima ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak terpakai

31. Mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubung dengan kesatuan sekerja dan Akta Syarikat 1965 [Akta 125], tidak terpakai bagi mana-mana persatuan nelayan yang didaftarkan di bawah Akta ini.

Kesalahan

32. Sesiapa yang—

- (a) abai atau enggan melakukan apa-apa perbuatan atau enggan atau tidak memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya;
- (b) memberikan maklumat palsu atau membuat apa-apa pernyataan palsu mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki diberikan atau dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya;
- (c) tidak menurut apa-apa permintaan atau perintah bertulis yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya; dan
- (d) melanggar atau tidak mematuhi apa-apa kehendak lain dalam Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan, bagi suatu kesalahan yang berterusan, didenda tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Pembuktian catatan dalam buku Persatuan Nelayan

32A. (1) Sesuatu salinan apa-apa catatan dalam mana-mana buku yang lazimnya disimpan dalam perjalanan urusan sesuatu Persatuan Nelayan hendaklah, jika diperakui mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan, diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang, sivil atau jenayah, sebagai keterangan *prima facie* tentang adanya catatan sedemikian dan hendaklah diterima sebagai keterangan bagi perkara, transaksi dan akaun yang tercatat

di dalamnya jika, dan setakat yang sama seperti, catatan asal itu sendiri boleh diterima.

(2) Tiada pegawai mana-mana Persatuan Nelayan boleh, dalam apa-apa prosiding undang-undang yang Persatuan Nelayan itu tidak menjadi satu pihak kepadanya, boleh dipaksa supaya mengemukakan mana-mana buku persatuan itu yang kandungannya boleh dibuktikan di bawah subseksyen (1) atau dipaksa hadir sebagai saksi bagi membuktikan apa-apa perkara, transaksi atau akaun yang dicatatkan di dalamnya, melainkan jika diarahkan berbuat demikian oleh Mahkamah atas sebab yang tertentu.

Pindaan

***33.** Akta Persatuan Peladang 1967 [*Akta 22 tahun 1967*] adalah dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau di muara atau di laut” yang terdapat dalam takrif “peladang” di bawah seksyen 2; dan
- (b) dengan memasukkan perkataan “di daratan” sebaik selepas perkataan “perikanan” yang terdapat dalam perenggan 5(a).

Larangan mengenai pendaftaran syarikat kerjasama nelayan

34. Selepas mula berkuat kuasanya Akta ini tidak boleh didaftarkan mana-mana syarikat kerjasama nelayan di bawah Akta Koperasi 1948, Ordinan Syarikat Kerjasama 1958 Sabah dan Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak, yang satu daripada tujuan atau fungsi utamanya adalah berkaitan dengan pengeluaran perikanan, kredit, pemasaran atau pemprosesan atau apa-apa usaha niaga perdagangan dan perniagaan yang sedemikian.

Kos pembubaran secara paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

35. Jika di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 26, mana-mana syarikat kerjasama nelayan yang sedia

*CATATAN—Akta 22 tahun 1967 telah dimansuhkan—lihat seksyen 36 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*].

ada pada mula berkuatkuasanya Akta ini dikehendaki supaya dibubarkan secara paksa belanja bagi penggulungan syarikat kerjasama itu yang berbangkit daripada kaedah-kaedah itu hendaklah dibayar oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seolah-olah belanja itu telah dilakukan pada menjalankan kuasa dan fungsinya.

Akta ini hendaklah terpakai

36. Selepas mula berkuatkuasanya Akta ini—

- (a) jika ada sesuatu pertelingkahan antara peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan Akta Koperasi 1948, Ordinan Syarikat Kerjasama 1958 Sabah atau Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak, Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah terpakai;
- (b) Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia hendaklah, mengenai syarikat kerjasama nelayan, disifatkan sebagai Pendaftar bagi syarikat kerjasama itu di bawah Akta Koperasi 1948, Ordinan Syarikat Kerjasama 1958 Sabah atau Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah terletak hak dan boleh menjalankan semua atau mana-mana daripada kuasa Pendaftar itu;
- (c) berkenaan dengan syarikat kerjasama nelayan, di mana-mana juga perkataan “Menteri” terdapat dalam Akta Koperasi 1948, Ordinan Syarikat Kerjasama 1958 Sabah dan Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak, perkataan itu hendaklah disifatkan sebagai merujuk kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan takrif perkataan “Menteri” hendaklah disifatkan sebagai diubahsuaikan setakat itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 44

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A103	Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1972	01-04-1972
Akta A261	Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1974	16-08-1974
P.U.(A)357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981
Akta A694	Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1988	01-07-1988
Akta 478	Akta Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem 1992	21-02-1992
P.U.(A)206/2004	Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) 2004	27-03-2004

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 44

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A261	16-08-1974
	Akta A694	01-07-1988
5	Akta A103	01-04-1972
	Akta A694	01-07-1988
6	Akta A261	16-08-1974
	Akta A694	01-07-1988
10	Akta A694	01-07-1988
11	Akta A694	01-07-1988
11A	Akta A694	01-07-1988
12	Akta A103	01-04-1972
	Akta A694	01-07-1988
13	Akta A694	01-07-1988
13A	Akta A694	01-07-1988
13B	Akta A694	01-07-1988
14	Akta A694	01-07-1988
18	Akta A103	01-04-1972
	Akta A694	01-07-1988

Persatuan Nelayan

31

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
18A	Akta A103	01-04-1972
18B	Akta A103	01-04-1972
19	Akta A694	01-07-1988
21	Akta A103	01-04-1972
24	Akta A694	01-07-1988
25	Akta A694	01-07-1988
25A	Akta A694	01-07-1988
26	Akta A694	01-07-1988
27	Akta A103	01-04-1972
	Akta A694	01-07-1988
28	Akta A694	01-07-1988
29	Akta A694	01-07-1988
	Akta 478	12-02-1992
32A	Akta A694	01-07-1988
34	Akta A261	16-08-1974
35	Akta A261	16-08-1974
36	Akta A261	16-08-1974
	Akta A694	01-07-1988
P.U.(A)206/2004		27-03-2004